

BAUCER RESTORAN*

*Contoh tawaran yang akan datang

jimat hingga 70%*

lihat tawaran hari ini

Selasa, 28 Ogos 2012



Versi Mobile RSS 1klas

UTAMA BERITA EKSTRA METROPLUS GIGS HATI RAP VARIASI TANYA PAKAR BIMBINGAN

myMetro □ Bisnes

IGB Reit jangka pulangan 5.1%

A+ A-

IGB Reit Management Sdn Bhd (IGB Reit) yang menawarkan 201 juta unit tawaran awam permulaan (IPO) kepada orang awam di negara ini dijangka mendapat pulangan pengagihan 5.1 peratus pada asas tahunan dan 5.4 peratus bagi enam bulan berakhir 31 Disember 2012.

Pengarah Urusannya, Robert Tan berkata, IGB Reit menawarkan 670 juta unitnya mewakili 19.7 peratus jumlah unit terbitannya dan daripada jumlah itu, 469 juta untuk langganan pelabur Malaysia, asing dan pelabur terpilih, manakala 201 juta lagi ditawarkan kepada orang awam, pengarah dan pekerja IGB Reit Sdn Bhd, IGB Corporation Bhd dan anak syarikatnya yang layak serta pemegang saham IGB Corporation yang layak.

Beliau berkata, harga institusi IPO itu ditetapkan pada 4 September selepas selesainya proses bidaan yang bermula 28 Ogos ini manakala portfolio hartanah permulaannya adalah Mid Valley Megamall serta The Gardens Mall dan aset berkaitan.

“Harga runcit IPO pada RM1.25 sesaham itu dijangka dapat dilanggan RM865 juta dan kami yakin ia boleh dicapai memandangkan pulangan menarik ditawarkan.

“Malah, nilai pasaran portfolio hartanah permulaan setakat 10 April lalu berjumlah RM4.6 bilion, sekali gus menjadikannya Reit yang mempunyai nilai pasaran portfolio permulaan terbesar di Malaysia apabila disenaraikan kelak,” katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Artikel ini disiarkan pada : 28/08/2012

SEMINAR Pembentukan Personaliti
Cemerlang & Imej Positif

Jana Income Lumayan di Internet

Pendaftaran Percuma Terhad !!

Kongsi artikel ini menerusi media sosial

Kongsi Artikel | Facebook MySpace Google Twitter

Recommend this on Google

LITERASI SAINS DAN KONSEP SAINS